

Hampir 250 Sertai Konvensyen Fiqh Borneo 5.0

Terakhir dikemaskini: Isnin, 19 Mac 2018 12:02 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 536

Kongsi 71

Syorkan 71

Kongsi

Tweet

Share



ISNIN, 19 MAC – Hampir 250 peserta menyertai Konvensyen Fiqh Borneo 5.0 yang buat julung kalinya diadakan di Dewan Resital, Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.

Konvensyen Fiqh Borneo 5.0 merupakan kemuncak kepada Program Minggu Penghayatan Islam (MPI) bertemakan *Islam is The Way of Life* yang telah berlangsung selama seminggu.

Majlis perasmian Konvensyen anjuran Kelab Rakan Masjid (KRM) UMS itu telah disempurnakan Pegawai Hal Ehwal Islam, Pusat Islam UMS, Ustaz Mohammad Fazri Abdul Hamid.

Terdahulu dalam ucapannya beliau berkata konvensyen itu antara lain bertujuan untuk mewujudkan

persekitaran Islam di dalam kampus disamping memberi peluang kepada siswa-siswi untuk menonjolkan bakat mereka dalam pelbagai pertandingan seperti pertandingan pidato, seni khat, sukan bola jaring, futsal dan pertandingan menulis puisi.

“Penganjuran program seumpama ini mampu untuk membantu meningkatkan ilmu pengetahuan para peserta serta membentuk mahasiswa seimbang dari segi intelek, sahsiah dan kerohanian,” katanya.

Beliau turut merakamkan setinggi tahniah kepada jawatankuasa pelaksana dan semua yang terlibat dalam memastikan Konvensyen Fiqh Borneo 5.0 berlangsung dengan jayanya.

Antara panel penceramah pada konvensyen tersebut adalah Mudir Darul Hadis Sabah, Ustaz Mat Razali Mat Lazin dan Pensyarah Kanan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, UMS, Dr. Aliakhbar Gulasan.

Hadir sama pada majlis itu, Pengarah Program, Muhammad Kamran Baharon dan Presiden Kelab Rakan Masjid UMS, Safwan Adam.